

07/05/1999

Rafidah mahu Mahathir kekal Perdana Menteri

ALOR STAR, Khamis - Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus memegang jawatan Perdana Menteri selama mungkin bagi memaju dan membangunkan negara.

Beliau berkata, Dr Mahathir juga tidak perlu menyatakan mengenai penggantinya atau bila beliau akan melepaskan jawatan bagi mengelakkan pelbagai spekulasi yang boleh menjejaskan usaha Umno dan kerajaan memulihkan ekonomi.

Ahli Majlis Tertinggi Umno itu berkata, Perdana Menteri patut terus memegang jawatan, manakala ahli Umno dan rakyat memberi sokongan tidak berbelah bagi.

"Saya selalu dengar Dr Mahathir berkata kesediaan untuk berundur. Beliau tidak perlu sebut lagi mengenai bila akan undur. Lebih banyak bercakap lebih banyak spekulasi mengenai penggantinya seperti yang berlaku dengan Anwar Ibrahim (bekas Perdana Menteri).

"Jangan cakap lagi bila nak pencen, bila nak undur. Serah pada Allah kerana beliau masih bertenaga dan berupaya serta banyak lagi tugas yang belum selesai untuk dilaksanakan.

"Jangan hiraukan orang yang niat tidak baik minta beliau berundur. Jangan bagi ruang orang cerita soal undur dan pencen. Lagi kurang bercakap lagi aman," katanya selepas majlis perjumpaan dengan Majlis Hal Ehwal Wanita (Hawa), Kedah, di sini hari ini.

Rafidah berkata, beliau sudah beberapa kali memaklumkan perkara itu secara peribadi kepada Dr Mahathir tetapi ini adalah kali pertama menyatakannya secara terbuka.

Beliau juga berkata, ahli politik pembangkang yang menggelar diri mereka ulama sebenarnya bukan ulama kerana tugas sebenar ulama bukan berpolitik, sebaliknya membantu mengelakkan perpecahan umat Islam dan rakyat.

"Mereka ini bukan ulama kerana ulama ialah orang yang tak masuk politik, tak pandai politik dan tak mahu berpolitik," katanya.

(END)